

KONSEP QARĀ'IN AL-TARJĪH DALAM MENYELESAIKAN ISU PERAWI MUHMAL: KAJIAN TERHADAP MUQARRAR AL-TAKHRĪJ KARYA ḤĀTIM AL-'AWNĪ

(Dzulfaidhi Hakimie Dzulraidi^{1*}, Danial Hazim Ayub², Muhammad Taufiq Amat Famsir @ Amat Tamsir³)

¹ Calon Ijazah Kedoktoran, Jabatan Al-Quran dan Al-Hadith, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia, dzuldzulraidi@gmail.com.

² Sarjana Muda, Jabatan Al-Quran dan Al-Hadith, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia, dnlhzim@gmail.com.

³ Sarjana Muda, Jabatan Al-Quran dan Al-Hadith, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia, taufiqtamsir@gmail.com.

* Corresponding Author: dzuldzulraidi@gmail.com

Keywords:

Qarā'in al-Tarjīh; muhmal; Ḥātim al-'Awnī; Discourse of Hadith Criticism; Iḥyā' Manhaj al-Mutaqaddimīn (IMM)

ABSTRACT

Dispute in determining the status of hadith within the discourse of hadith criticism arises due to divergent schools of thought among hadith scholars. One polemic revolves around the issue of the obscurity of the identity of a narrator or a muhmal narrator. Iḥyā' Manhaj al-Mutaqaddimīn (IMM) emerges as a new school of thought in this discourse, with one of its prominent figures being Ḥātim al-'Awnī, who introduces qarā'in al-tarjīh as a solution to address this issue. This study aims to analyze the aspects of qarā'in al-tarjīh in resolving the muhmal narrator issue according to Ḥātim al-'Awnī, based on his work Muqarrar al-Takhrīj wa Manhaj al-Hukm 'alā al-Ḥadīth. The methodology employed is a qualitative approach using documentary analysis as a data collection method and content analysis as the method for data analysis. The study finds that Ḥātim al-'Awnī presents three forms of qarā'in al-tarjīh to assist hadith scholars in evaluating the status of a hadith. As a recommendation, this study suggests further research to identify the qarā'in al-tarjīh methods used by scholars from other schools of thought. Additionally, an investigation into the application of qarā'in al-tarjīh among early scholars, especially critics from the mutaqaddimīn period, can shed light on the practicality of this discourse during the era of hadith transmission with chains of narration.

Kata Kunci:

Qarā'in al-Tarjīh; muhmal; Ḥātim al-'Awnī; Kritik Hadith; Iḥyā' Manhaj al-Mutaqaddimīn (IMM)

ABSTRAK

Perselisihan penentuan status hadith dalam wacana kritik hadith disebabkan perbezaan aliran dalam kalangan tokoh-tokoh hadith. Antara polemik yang berlaku adalah berkenaan isu kesamaran indentiti seseorang perawi atau perawi muhmal. Iḥyā' Manhaj al-Mutaqaddimīn (IMM) muncul sebagai sebuah aliran baru dalam wacana ini dan seorang daripada tokoh aliran ini ialah Ḥātim al-'Awnī ada mengetengahkan qarā'in al-tarjīh sebagai solusi dalam menyelesaikan isu ini. Kajian ini bertujuan untuk menganalisis aspek qarā'in al-tarjīh dalam menyelesaikan isu perawi muhmal oleh Ḥātim al-'Awnī berdasarkan karya beliau Muqarrar al-Takhrīj wa Manhaj al-Hukm 'alā al-Ḥadīth. Metodologi yang digunakan ialah pendekatan kualitatif berdasarkan analisis dokumentasi sebagai pengumpulan data dan analisis kandungan sebagai metode analisis

data. Kajian ini mendapati Ḥātim al-‘Awnī telah membawakan tiga bentuk *qarā’ in al-tarjīh* dalam menyelesaikan isu perawi *muhmal* bagi membantu para pengkaji hadith dalam menilai status sesebuah hadith. Justifikasinya, kajian ini mencadangkan sebuah kajian lanjutan bagi mengenal pasti metode *qarā’ in al-tarjīh* tokoh aliran lain. Selain itu, sebuah kajian aplikasi *qarā’ in al-tarjīh* dalam kalangan ulama terdahulu terutamanya para pengkritik hadith *mutaqaddimīn* dapat dilakukan bagi mengetahui praktikaliti perbincangan ini ketika zaman periwayatan hadith bersanad masih berjalan.

Received: May 29, 2024

Accepted: Oct 30, 2024

Online Published: Dec 31, 2024

1. Pendahuluan

1.1 Latar Belakang Kajian

Kajian mengenai status hadith dan penentuan identiti perawi merupakan bidang penting dalam ilmu hadith yang sering menimbulkan polemik dalam kalangan sarjana hadith (Dzulfaidhi Hakimie Dzulraidi et al, 2024). Salah satu isu utama dalam wacana ini ialah kesamaran identiti perawi yang dikenali sebagai perawi *muhmal*. Isu ini timbul apabila dua atau lebih perawi berkongsi nama yang sama tanpa sebarang penjelasan yang membezakan mereka (Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, 2016). Situasi ini menimbulkan kesukaran dalam menentukan keadilan dan ketepatan seseorang perawi yang seterusnya mempengaruhi penentuan status sesebuah hadith.

Perselisihan ini bertambah kompleks dengan adanya pelbagai aliran dan pendekatan dalam kalangan sarjana hadith. Salah satu aliran yang muncul ialah *Ihyā’ Manhaj al-Mutaqaddimīn* (IMM), yang memperkenalkan pendekatan baharu dalam menangani isu perawi *muhmal* (Umar Muhammad Noor, 2022). Antara tokoh utama dalam aliran ini ialah Ḥātim al-‘Awnī yang telah mengemukakan konsep *qarā’ in al-tarjīh* sebagai solusi untuk menyelesaikan masalah ini. Hal ini berikutan perhatian terhadap aspek *qarā’ in* merupakan asas penilaian para ahli hadith *mutaqaddimīn* (Ahmad Zulkifli Yusof & Umar Muhammad Noor, 2020).

Isu utama yang menjadi fokus kajian ini adalah kesukaran dalam menentukan identiti perawi *muhmal* yang boleh membawa kepada ketidakjelasan status sesebuah hadith. Ketiadaan identifikasi yang jelas boleh menyebabkan perawi yang lemah atau tidak diterima diklasifikasikan sebagai perawi yang dipercayai (*thiqah*) atau sebaliknya. Hal ini memerlukan satu pendekatan yang sistematik dan tepat untuk memastikan ketepatan penilaian terhadap sesebuah hadith.

Keperluan kajian ini timbul daripada kepentingan memastikan integriti dan ketepatan dalam penilaian hadith. Menggunakan *qarā’ in al-tarjīh* yang diperkenalkan oleh Ḥātim al-‘Awnī telah menawarkan satu kaedah yang komprehensif dan sistematik untuk menyelesaikan isu perawi *muhmal*. Pendekatan ini membantu sarjana hadith dalam membuat penilaian yang lebih tepat dengan menyediakan beberapa bentuk *qarā’ in* (indikator) yang boleh digunakan untuk membezakan antara perawi yang mempunyai nama sama.

Kajian ini juga penting untuk mengembangkan lagi pemahaman mengenai metodologi penilaian hadith dalam konteks moden serta menilai praktikaliti dan aplikasi konsep *qarā’ in al-tarjīh* dalam kalangan sarjana hadith yang lain. Penelitian ini diharapkan dapat menyumbang kepada peningkatan metodologi penilaian hadith dan memperkuat lagi asas kajian hadith dalam kalangan sarjana kontemporari.

1.2 Nama, Kelahiran dan Kembara Ilmu Ḥātim al-‘Awnī

Ḥātim bin ‘Arif bin Nāṣir al-‘Awnī adalah seorang tokoh ilmu yang dinisbahkan kepada keturunan al-Ḥasaniyyīn, iaitu dari jalur keturunan al-Ḥasan bin ‘Alī bin Abī Ṭālib. Beliau dilahirkan pada 19 Rejab 1385 Hijrah (1966 Masihi) di Ṭā’if dan dibesarkan di sana. Pendidikan awal beliau bermula di sekolah kerajaan dari peringkat rendah hingga menengah. Pada tahun 1404 Hijrah, beliau melanjutkan pelajaran di Universiti Umm al-Qurā’ di Mekah, memilih Kuliah Uṣūl al-Dīn dengan pengkhususan dalam Jabatan Al-Quran dan Al-Sunnah, dan memperoleh Ijazah Sarjana Muda pada tahun 1408 Hijrah. Beliau kemudian menyambung pengajian peringkat Sarjana dan Ijazah Kedoktoran dalam bidang yang sama, yang masing-masing diperolehnya pada tahun 1415 Hijrah dan 1421 Hijrah. Kini, beliau berkhidmat sebagai Profesor di Jabatan Al-Quran dan Al-Sunnah di Universiti Umm al-Qurā’, Arab Saudi (M. Khoirul Huda dan Muhammad Reza Fadil, 2023).

Minat beliau terhadap ilmu hadith bermula sejak usia 13 tahun, di mana beliau sering membaca kitab-kitab dan karya-karya Muḥammad Nāṣir al-Dīn al-Albānī, yang memberikan pengaruh besar dan minat mendalam terhadap ilmu Sunnah. Pada usia 19 tahun, beliau menyertai pengajian musim panas di Ṭā’if bersama

Shaykh ‘Abd Allāh bin ‘Abd al-Rahmān, seorang ilmuwan besar Arab Saudi. Dalam masa yang sama, beliau juga mendengar rakaman-rakaman pengajian daripada al-Albānī sehingga mencapai ratusan rakaman. Beliau turut tertarik dengan rakaman kuliah pengajian muṣṭalah al-ḥadīth pada tahun 1406 Hijrah bersama Shaykh Muqbil al-Wādī’ī pada syarah al-Bā’ith al-Ḥathīth (Mawqī’ Sharīf Ḥātim al-‘Awnī, 2023).

Dari tahun 1404 Hijrah hingga 1414 Hijrah, Ḥātim al-‘Awnī menumpukan sepenuh perhatian pada pembelajaran dan penyelidikan, dengan banyak membaca, mengumpul bahan, dan menghadiri kelas pengajian. Beliau lebih suka menyendiri dengan ilmu dan kurang bergaul dengan rakan-rakan pada tempoh ini. Pada tahun 1414 Hijrah, beliau mula membuka kelas-kelas pengajian untuk penuntut ilmu dalam masa terhad dan pada tahun 1418 Hijrah, beliau membuka kelas-kelas pengajian secara lebih meluas tetapi tetap menyediakan masa untuk dirinya sendiri untuk menuntut ilmu.

Beliau memperoleh ijazah periwayatan hadith daripada sejumlah ilmuwan, berguru dan mendapatkan sanad daripada sekitar 40 orang guru termasuk Ibrāhīm bin Muḥammad bin al-Ṣiddīq al-Ghumārī, Al-Ḥasan bin Muḥammad bin al-Ṣiddīq al-Ghumārī, ‘Abd Allāh bin ‘Abd al-Qādir al-Anbārī al-Zabīdī, Idrīs bin Muḥammad bin Ja’far al-Kattānī, ‘Abd al-Qādir al-Arna’ūt, dan ramai lagi (Asmā’ Ba’ḍ Man Ajāzanī Min Al-Shuyūkh Murattabīn ‘Alā Ḥurūf Al-Mu’jam, 2023). Beliau juga telah mentahkik dan menulis puluhan kitab dalam berbagai genre, khususnya dalam bidang hadith. Antara karangannya adalah *Sharḥ al-Mūqīzah al-Dhabābī*, *Khulāṣah al-Ta’ṣīl li ‘Ilm al-Jarḥ wa al-Ta’dīl*, *Naṣā’ih Manḥajīyyah li Ṭālib al-Sunnah al-Nabawīyyah*, *Al-Yaqīnī wa al-Zannī min al-Akḥbār*, *Sharḥ al-Ḥadīth al-Nabawī Dirāsah fī Tārīkh al-‘Ilm*, *al-Usus al-‘Aqliyyah li Manhaj Naqd al-Muḥaddithīn*, *Muqarrar al-Takhrīj fī Manhaj al-Hukm ‘alā al-Ḥadīth* dan banyak lagi (M. Khoirul Huda dan Muhammad Reza Fadil, 2023).

1.3 Karya Ḥātim al-‘Awnī: *Muqarrar al-Takhrīj wa Manhaj al-Hukm ‘alā al-Ḥadīth*

Kitab *Muqarrar al-Takhrīj wa Manhaj al-Hukm ‘alā al-Ḥadīth* asalnya adalah nota dan catatan dari dawrah ilmiah mengenai ilmu *takhrīj al-ḥadīth* dan kajian sanad oleh Ḥātim al-Awnī pada tahun 1419 Hijrah. Pengajian ini dirakamkan dan disalin semula oleh salah seorang muridnya, Wā’il bin Sulṭān al-Ḥārīthī, dan kemudian diusahakan oleh Khālīd bin Khalaf al-Jūdī untuk dicetak dan disebar secara meluas. Nota-nota tersebut telah tersebar luas sehingga menjadi silibus di beberapa institusi (Ḥātim al-Awnī, 2018).

Nota-nota ini digunakan dan diambil manfaat selama berdekad-dekad tanpa sebarang pembetulan, penambahan, atau pengurangan. Pada tahun 1438 Hijrah, beliau meneliti semula, menambah maklumat terkini, membuat beberapa pembetulan, melengkapkan isi yang terlepas dalam dawrah ilmiah, dan memasukkan banyak contoh kitab hadith serta kitab perawi hadith bagi memperkenalkan kepada pembaca. Edisi terbaru ini merangkumi isi penting dalam penulisan dan pembelajaran hadith.

Kitab ini terbahagi kepada dua bahagian besar. Bahagian pertama membincangkan kajian *takhrīj al-ḥadīth*, termasuk definisi *takhrīj*, pembagiannya, serta kaedah dan panduan untuk *mentakhrīj* hadith dari sumber asal. Bahagian kedua pula membincangkan *kajian dirāsah al-asānīd wa al-mutūn*, yang meliputi langkah-langkah untuk menentukan status sesuatu hadith. Dalam karyanya ini, beliau tidak hanya menyampaikan teori tetapi juga menyediakan contoh praktikal tentang cara *mentakhrīj* hadith sehingga menetapkan hukumnya.

2. Metodologi Kajian

Kajian ini merupakan sebuah kajian yang berasaskan pendekatan kajian kualitatif. Hal ini disebabkan, kualitatif ialah pendekatan yang paling sesuai dalam memahami sesuatu isu dengan lebih mendalam seperti mengkaji berkenaan konsep *qarā’in al-tarjīh* dalam pensabitan *samā’* atau penafiannya terhadap seseorang perawi.

Dalam pengumpulan data, metode dokumentasi digunakan iaitu dengan mengumpulkan sumber-sumber primer dan sekunder dalam mengenal pasti konsep *qarā’in al-tarjīh* dan praktikalitinya dalam kalangan para sarjana hadith. Selain itu, kajian ini akan mengumpulkan konsep *qarā’in al-tarjīh* dalam perawi *muhmal* yang diperkenalkan oleh Ḥātim al-‘Awnī dalam karyanya *Muqarrar al-Takhrīj wa Manhaj al-Hukm ‘alā al-Ḥadīth*. Sumber-sumber yang digunakan ini diperoleh daripada perpustakaan, artikel jurnal, tesis dan disertasi, koleksi peribadi, buku berbentuk PDF dan digital library seperti aplikasi al-Maktabah al-Shāmīlah.

Berkenaan analisis data pula, metode analisis kandungan diaplikasikan dalam kajian ini bagi mengenal pasti definisi sebenar *qarā’in al-tarjīh* oleh para ilmuwan konvensional dan kontemporari. Selain itu, konsep sebenar perawi *muhmal* juga akan dijelaskan berdasarkan pendapat-pendapat ilmuwan yang muktabar. Seterusnya, melihat kepada kesinambungan konsep *qarā’in al-tarjīh* terhadap perawi *muhmal* melalui analisis yang dilakukan terhadap karya Ḥātim al-‘Awnī iaitu *Muqarrar al-Takhrīj wa Manhaj al-Hukm ‘alā al-Ḥadīth*.

3. Konsep Perawi Muhmal

Muhmal daripada sudut bahasa berasal daripada lafaz ‘al-Ihmāl’ yang membawa maksud ‘al-Tark’ iaitu meninggalkan (Mahmūd al-Ṭahhān, 2004). Manakala daripada sudut istilah ilmu hadith menurut Ibn Hajar al-‘Asqalānī (2000) menjelaskan bahawa *muhmal* ialah dua perawi yang saling berkongsi nama dan tidak dapat dibezakan antara keduanya. Manakala Muḥammad bin Turkiy al-Turkiy (2010) menjelaskan *muhmal* yang lebih panjang iaitu perawi yang tidak dapat dibezakan antara satu sama lain dalam suatu sistem sanad, sama ada hanya disebutkan namanya sahaja, atau disebutkan *kunyah* (gelaran) atau *laqab* (gelaran) semata-mata yang turut sama berkongsi dengan perawi yang lain hingga akhirnya tidak dapat dibezakan antara dua atau lebih individu tertentu. Hal ini kerana boleh sahaja seorang perawi itu berkongsi namanya dan nama bapanya bersama perawi yang lain, sehingga menyebabkan kesukaran untuk membezakan antara keduanya. *Kunyah* merupakan satu panggilan yang dimulakan dengan perkataan Abū iaitu bapa) atau Ummu iaitu ibu. Kebiasaannya kunyah ini digunakan kepada anak-anak dan yang afdhal adalah digunakan kepada anak yang paling besar (tua) tetapi ia bukanlah satu kemestian. Bahkan seseorang itu boleh juga menggunakan *kunyah* kepada sesuatu benda atau haiwan dan sebagainya seperti Abū Hurairah (iaitu bapa kepada kucing), Abū Turab dan lain-lain lagi (Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, 2019).

Ibn Hajar al-‘Asqalānī (2000) telah memberikan contoh perawi *muhmal* seperti dalam *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, iaitu al-Bukhārī meriwayatkan daripada Aḥmad daripada Ibn Wahb. Maka berdasarkan jaluran sanad ini secara zahirnya tidak dapat dipastikan sama ada Aḥmad yang dimaksudkan al-Bukhārī ialah Aḥmad bin Ṣālih atau Aḥmad bin ‘Īsā. Begitu juga dengan riwayat al-Bukhārī daripada Muḥammad daripada Ahl al-‘Irāq, tidak dapat dipastikan Muḥammad yang dimaksudkan ialah Muḥammad bin Salām atau Muḥammad bin Yahyā al-Dhuhli.

Dalam penentuan status hadith, pengetahuan terhadap seseorang perawi dalam jaluran sanad itu penting bagi ahli hadith agar dapat menentukan tahap keadilan dan tahap hafalan (*dabit*) seseorang perawi, seterusnya membawa kepada syarat-syarat hadith sahih. Jika seseorang perawi itu tidak dapat ditentukan identiti sebenarnya seperti yang berlaku pada perawi *mubham*, ia menatijahkan keadilan dan *dabit* perawi berkenaan tidak dapat diselidiki. Mahmūd al-Ṭahhān (2004) menjelaskan bahawa perawi yang *muhmal* ini boleh menjadi isu apabila salah satu daripada kedua perawi itu ialah *thiqah* manakala salah satu lagi ialah *da’if*. Hal ini kerana sekiranya perawi berkenaan adalah berstatus *da’if* maka turut menatijahkan sesebuah status hadith menjadi *da’if*. Berlainan pula jika perawi yang *muhmal* itu ialah *thiqah*, maka tidak memudaratkan status hadith (Ibn Hajar al-‘Asqalānī, 2000).

Sekiranya perawi yang *muhmal* itu kedua-duanya ialah *thiqah*, maka tidak menjadi masalah dalam penentuan status hadith. Misalnya sebagaimana contoh perawi *mubham* dalam al-Bukhārī yang meriwayatkan daripada Aḥmad -tiada nasab- daripada Ibn Wahb sama ada Aḥmad bin Ṣālih atau Aḥmad bin ‘Īsā, tidak menjadi isu yang begitu besar kerana kedua-dua perawi berkenaan ialah *thiqah*. Manakala sekiranya perawi tersebut *thiqah* manakala satu lagi *da’if* maka perlu kepada penelitian dan penentuan yang teliti. Misalnya, Sulaymān bin Dāwud tidak dapat dipastikan sama ada ia Sulaymān bin Dāwud al-Khawḷānī atau Sulaymān bin Dāwud al-Yamāmī. Ini kerana al-Khawḷānī ialah *thiqah* manakala al-Yamāmī ialah *da’if*. Maka dalam hal ini, penting bagi ahli hadith untuk menentukan identiti perawi *muhmal*.

4. Konsep *Qarā’in Al-Tarjīh* Dalam Menyelesaikan Isu Perawi *Muhmal*

4.1 Definisi dan konsep *Qarā’in al-Tarjīh*

Membicarakan mengenai *qarā’in al-tarjīh*, ia merupakan kalimah bahasa Arab terdiri daripada dua perkataan iaitu *qarā’in* dan *tarjīh*. Pertama bagi *qarā’in* ini berasal daripada kata kerja *qarana* yang memberi pengertian menghimpunkan sesuatu kepada sesuatu yang lain dengan kekerasan (Ibn Fāris, 1979). Dalam masa yang sama ia memberi pengertian kebersamaan antara dua perkara (Ismā’il bin Ahmad, 1987).

Beralih kepada sudut istilah pula, tiada definisi yang benar-benar jelas pernah dikeluarkan oleh ahli hadith terdahulu. Namun diperhatikan bahawa mereka menggunakannya seperti deria keenam yang ada pada seseorang individu (Sāmīr al-Kābīsī, 2021). Mustafa al-Zarqā’ mendefinisikannya sebagai sesuatu petunjuk yang mengarah kepada objektif atau hasil yang dikehendaki (Hanān Qamāri, 2016). Ahmad Ma’bad mendefinisikan *qarīnah* sebagai sesuatu yang menunjukkan kepada objektif secara tidak langsung (Abdul Rahman, 2021). Di samping itu, Ayyub al-Husainī (2009) mendefinisikannya sebagai sesuatu yang menjelaskan objektif tanpa disengajakan. Oleh yang demikian, dapat disimpulkan *qarīnah* secara istilah bermaksud sesuatu petunjuk yang dijumpai secara tidak langsung dan menjelaskan objektif kajian. Rujuk jadual di bawah:

Jadual 1: Definisi-definisi *Qarā’in*

Bil.	Tokoh	Definisi
1.	Mustafa al-Zarqā’	Sesuatu petunjuk yang menjelaskan sesuatu yang tersembunyi sehingga menunjukkan objektif.

2.	Ahmad Ma'bad	Sesuatu yang menunjukkan kepada objektif secara tidak langsung
3.	Ayyub al-Husaini	Sesuatu yang menjelaskan objektif tanpa disengajakan
Kesimpulan	Sesuatu petunjuk yang dijumpai secara tidak langsung dan menjelaskan objektif kajian	

(Rujukan: Dzulfaidhi Hakimie Dzulraidi et al., 2024)

Penggunaan *qarīnah* mempunyai asas rujukannya daripada syariat. Hal ini boleh dilihat dalam Al-Quran surah Yūsuf:

وَجَاءُوا عَلَى قَمِيصِهِ بِدَمٍ كَذِبٍ ۗ قَالَ، بَلْ سَوَّلَتْ لَكُمْ أَنْفُسُكُمْ أَمْرًا ۗ فَصَبِرْ ۖ جَمِيلٌ ۗ وَاللَّهُ الْمُسْتَعَانُ
 عَلَىٰ مَا تَصِفُونَ ۗ ١٨

Terjemahan: Dan (bagi mengesahkan dakwaan itu) mereka pula melumurkan baju Yūsuf dengan darah palsu. Bapa mereka berkata: “Tidak! Bahkan nafsu kamu memperelokkan kepada kamu suatu perkara (yang tidak diterima akal). Kalau demikian, bersabarlah aku dengan sebaik-baiknya, dan Allah jualah yang dipohonkan pertolonganNya, mengenai apa yang kamu katakan itu (Surah Yūsuf, 18).

Menurut Al-Qurtubī (m. 671H), ketika saudara-saudara Nabi Yūsuf AS berusaha menggunakan darah sebagai petunjuk untuk mendukung cerita mereka, Allah SWT menampakkan petunjuk bahawa tidak terdapat kesan gigitan serigala pada baju Nabi Yūsuf AS. Apabila Nabi Ya'qūb AS melihat keadaan ini, beliau tidak mempercayai cerita saudara-saudara Nabi Yūsuf AS. Ini menunjukkan bahawa penggunaan *qarīnah* telah lama diterapkan dalam Islam.

Abdullah Muhammad Hasan (2013) menyatakan bahawa para ulama Islam sepakat tentang pentingnya *qarīnah* dalam berbagai disiplin ilmu seperti fiqh, bahasa, usul fiqh, ilmu kalam, dan hadith secara umum, walaupun terdapat perbezaan dalam beberapa aplikasi dan klasifikasinya. Namun, kajian ini akan memfokuskan pada peranan *qarīnah* dalam ilmu hadith sahaja.

Abd Qādir Muhammad (2018) mendefinisikan *qarīnah* dalam ilmu hadith sebagai tanda yang menunjukkan adanya atau tidaknya 'illah dalam sesebuah hadith yang berkaitan dengan perawi dan riwayatnya. Hātīm al-Awnī (2018) menjelaskan bahawa terdapat perbezaan yang jelas antara *qarīnah* dan *dalīl*. *Dalīl* adalah bukti konkrit yang cukup untuk menetapkan sesuatu dengan hanya satu *dalīl*, sementara *qarīnah* memerlukan lebih daripada satu bukti untuk menetapkan sesuatu perkara. Contohnya, dalam kes pembunuhan, *dalīl* diibaratkan sebagai pengakuan suspek, manakala *qarīnah* adalah seperti adanya motif pembunuhan. Oleh itu, pengakuan suspek cukup untuk mensabitkan kesalahan membunuh, manakala motif pembunuhan memerlukan sokongan dari *qarīnah* lain. Rujuk jadual di bawah untuk maklumat lanjut.

Jadual 2: Perbezaan *Qarīnah* dan *Dalīl*

Perbezaan <i>Qarīnah</i> dan <i>Dalīl</i>	
<i>Qarīnah</i>	<i>Dalīl</i>
Definisi: Tanda yang menunjukkan wujud atau tidak 'illah pada sesebuah hadith berhubungkait perawi dan riwayat	Definisi: Bukti yang menunjukkan wujud atau tidak 'illah pada sesebuah hadith berhubungkait perawi dan riwayat
Contoh: Periwayatan secara bersendirian merupakan petunjuk kewujudan 'illah sesebuah hadith	Contoh: Pengakuan perawi bahawa dia tersilap merupakan bukti 'illah sesebuah hadith

Naurah Didān berpandangan *qarīnah* dalam hadith terbahagi kepada dua bahagian utama iaitu *qarā'in al-tarjīh* dan *qarā'in al-ta'līl*. *Qarā'in al-tarjīh* merupakan petunjuk-petunjuk yang digunakan untuk menentukan salah satu riwayat yang bercanggahan dengan riwayat yang lain. Di samping itu, *qarā'in al-ta'līl* bermaksud petunjuk-petunjuk yang digunakan untuk memilih salah satu riwayat bermasalah daripada keduanya (Naurah Didān,t.t). Meskipun begitu, Hanān Qamari (2016) menambah dua pecahan lain iaitu *qarā'in al-jam'* yang digunakan untuk menggabungkan kedua-dua riwayat dan *qarā'in daf' al-'illah* memberi pengertian petunjuk untuk mengangkat 'illah yang terdapat pada kedua-dua riwayat. Rujuk jadual di bawah:

Jadual 3: Pembahagian *Qarā'in*

Bil.	Pembahagian	Definisi
1.	<i>Qarā'in al-Tarjīh</i>	Petunjuk yang digunakan untuk memilih salah satu riwayat yang bercanggahan
2.	<i>Qarā'in al-Ta'līl</i>	Petunjuk yang digunakan untuk menentukan salah satu riwayat yang bermasalah
3.	<i>Qarā'in al-Jam'</i>	Petunjuk yang digunakan untuk menerima kedua-dua riwayat
4.	<i>Qarā'in Daf' al-'Illah</i>	Petunjuk yang digunakan untuk menghilangkan 'illah yang terdapat pada riwayat


'Ādil al-Zuraqī (2004) berpandangan *qarā'in al-tarjīh* daripada sudut kuantiti terlalu banyak dan tidak dapat ditentukan limitasinya. Walau bagaimanapun, perkara ini boleh dibahagikan kepada dua kelompok iaitu *qarā'in* yang selalu digunakan oleh ilmuwan hadith dan dinamakan *qarā'in 'ammah*, manakala *qarā'in* yang kurang digunakan disebut sebagai *qarā'in khāṣṣah*.

5. *Qarā'in Al-Tarjīh* Dalam Menyelesaikan Isu Perawi *Muḥmal* Menurut Hātīm Al-'awnī

Turutan kaedah dalam menentukan identiti seseorang perawi hadith dihuraikan dengan terperinci di dalam kitab *Muqarrar al-Takhrīj wa Manhaj al-Ḥukm ‘alā al-Ḥadīth* oleh Ḥatim al-Awnī pada salah satu cabang perbincangan atau subtopik dibawah payung bab *Tarjamah al-Ruwāh*. Terdapat tiga titik perbincangan utama diketengahkan oleh penulis dalam penyabitian *samā’* dalam konteks perawi yang dinisbahkan sebagai *rāwī muhmal* iaitu; *Ittihād al-Balad*, *al-Mu‘āṣarah* dan perawi *muhmal* yang dikenali (*ma‘rūf*) mempunyai riwayat yang banyak daripada perawi tertentu (*shaykh mu‘ayyan*).

Bahagian pertama adalah berkisarkan *Ittihād al-Balad* ataupun dapat diertikan sebagai pendudukan dalam satu wilayah yang sama. Yang dimaksudkan adalah penetapan diri seseorang perawi dalam sesebuah wilayah yang mengambil riwayat daripada perawi lain yang turut mendiami wilayah yang sama. Ḥatim al-Awni telah membawakan contoh seumpama apabila seorang perawi *muhmal* meriwayatkan daripada seorang penduduk Makkah atau dia meriwayatkan dalam sanadnya daripada gurunya yang merupakan seorang *Makkī*. Pada masa yang sama, murid yang mengambil riwayat perawi *muhmal* tadi juga merupakan seorang *Makkī*. Justeru, berpaksikan kepada *Ghalabah al-Zan* atau sangkaan kuat akan mengandaikan bahawa perawi *muhmal* tersebut juga seorang *Makkī*. Maka, profil pencarian akan berfokuskan kepada senarai nama daripada kalangan *ruwāh al-makkīyyīn* sahaja. Menurut al-Khatīb al-Baghdādī (1989), konseptual ini terbukti dari kalam Salamah bin al-Marwazī yang menyatakan apabila diungkap nama ‘Abd Allāh terkait wilayah-wilayah tertentu maka akan merujuk kepada individu yang berbeza. Pada saat disebutkan ‘Abd Allāh pada wilayah Makkah akan mengacu kepada Ibn ‘Abbās. Begitu juga sekiranya disebutkan daripada wilayah al-Madīnah akan mengarah pada Ibn ‘Umar. Seandainya jika terungkap daripada wilayah al-Kūfah pasti menjurus kepada Ibn Mas‘ūd. Jika disinggung ‘Abd Allāh yang menetap di wilayah Khurasān semestinya menyentuh tentang Ibn al-Mubārak.

Gambar Rajah 4: Penentuan Perawi Bernama ‘Abd Allāh Berdasarkan Wilayah Tertentu




Bil.	Wilayah	Perawi
1.	Makkah	Ibn ‘Abbās
2.	Al-Madīnah	Ibn ‘Umar
3.	Al-Kūfah	Ibn Mas‘ūd
4.	Khurasān	Ibn al-Mubārak

Rujukan: (Aṭlas al-Waṭan al-‘Arabī, t.t.)

Qarīnah berikutnya adalah berkenaan *al-Mu‘āṣarah* atau dapat difahami sebagai keberadaan perawi yang hidup sezaman. Hal ini terkadang menjadi suatu *dalīl qāṭi’* dalam situasi di mana sekiranya tidak dapat dipastikan terhadap perawi lain (Ḥatim al-‘Awnī, 2018). Semisal dua orang perawi bernama Sufyān bin al-Ḥusayn yang tidak dapat dibezakan antara satu dengan yang lain. Meskipun demikian, salah seorang dapat dipastikan bahawa adalah hidup sezaman dengan shaykh yang dia dengar daripadanya ketimbang perawi satunya lagi. Dalam kes ini, yang mendengar disebut sebagai *Muṣirrah bi al-Samā’*. Natijahnya, jalur sanad tidak dapat diterima melainkan setelah ditentukan bersandarkan neraca *al-Mu‘āṣarah*. Pembuktian ini jelas ketika Ibn al-Jawzi melakukan saringan ke atas rantaian riwayat Yahyā bin ‘Abdullāh bin Bukayr daripada al-Layth daripada Nāfi’ daripada ‘Abdullāh daripada Rasullullāh dan al-Layth di sini adalah Ibn Sa‘d. Di samping itu, perawi lain bernama

Layth bin Abī Sulaym turut meriwayatkan daripada Nāfi‘. Jika diperhatikan apabila setiap hadith yang diriwayatkan oleh Ibn Bukayr, Sa‘īd bin Abī Maryam, Muḥammad bin Rumḥ, Abū Sāliḥ ‘Abdullāh bin Šāliḥ, ‘Isā bin Ḥammād Zughbah, Ibn Wahb dan Qutaybah daripada al-Layth maka ia adalah Ibn Sa‘d. Alasannya adalah mereka ini tidak sempat dengan al-Layth bin Abī Sulaym kerana dia hidup awal lagi sebelum mereka.

Gambar Rajah 5: Sanad al-Layth bin Sa‘d dan Layth bin Abī Sulaym



Rujukan: (Ibn al-Jawzī, 1997)

Qarīnah terakhir berwacanakan identifikasi perawi *muhmal* berpandukan kompilasi riwayat terbanyak daripada guru yang tertentu. Mata inti dari hal ini adalah adakalanya seseorang perawi *muhmal* dapat dikenal pasti melihat kepada rekod riwayat yang banyak diambil daripada seseorang shaykh. Sebagai contohnya, ketika ‘Abd Allāh bin al-Zubayr al-Ḥumaydī mengatakan “*ḥadathanā Sufyān*” sudah tentu dimaksudkan adalah Sufyān bin ‘Uyaynah kerana al-Ḥumaydī dicatatkan sebagai antara penyimpan sejumlah besar riwayat daripada beliau. Tidak kurang juga al-Bayhaqī saat menyebutkan “*ḥadathanā Abū ‘Abd Allāh*” maka ia ditunjukkan kepada al-Ḥakim dengan alasan yang sama. Malah menurut Ibn Ḥajar al-‘Asqalanī (٢٠١٣), perawi *muhmal* hanya membawa kepada seseorang yang menjadi samar mempunyai ikhtisās. Yang dimaksudkan adalah seseorang yang mempunyai pengkhususan riwayat yang banyak berbanding yang lain. Dengan demikian, Ḥatim al-‘Awnī menghidangkan beberapa bentuk pilihan yang boleh diguna pakai dalam menentukan *al-mukhtaṣṣin bī al-shuyūkh* melalui kitab *ṭabaqāt al-ruwāh* daripada *shaykh mu‘ayyan* ataupun bab-bab tertentu yang disematkan dalam kitab-kitab tersebut. Malah menelusuri teks para ‘ulamā’ yang tersemai dalam peribagai tempat dalam kutub *al-tarājim* tersebut. Senarai cadangan kitab adalah seperti berikut:

Jadual 1: Cadangan Pemilihan Kitab *al-Ṭabaqāt* dan *al-Tarājim*

Bil.	Pengarang	Wafat (H)	Judul Kitab
1.	‘Uthmān bin Sa‘īd al-Dārimī	280	Tārīkh ‘Uthmān bin Sa‘īd al-Dārimī ‘an Yahyā bin Ma‘īn
2.	Al-Nasā‘ī	٣٠٢	Al-Ṭabaqāt
3.	Ibn Bukayr	٣٨٨	Su‘ālāt Ibn Bukayr ‘an al-Dāraquṭnī
4.	Ibn Rajab al-Ḥanbalī	٧٩٥	Sharḥ ‘Ilal al-Tirmidhī

5.	Fahd bin ‘Abd al-‘Azīz al-‘Ammār	-	Ma‘rifah al-Ruwāh al-Mukaththirīn wa Athbat Ashābihim
6.	Muhammad al-Turkī	-	Ma‘rifah Ashāb Shu‘bah
7.	Muhammad al-Turkī	-	Ma‘rifah Ashāb al-‘Mash
8.	‘Abd al-Salām Abū Samḥah	-	Ma‘rifah Ashābal-Ruwāh wa Atharuhā fī al-Ta‘līl
9.	Wā‘il Radmān	-	Ma‘nā al-Ṭabaqah fī ‘Ilal wa Marārib al-Riwāyah wa Ṭabaqāt al-Ruwāh ‘an al-Imām Sufyān al-Thawrī

Rujukan: (Hātim al-‘Awnī, 2018)

6. Kesimpulan

Kajian ini mengupas permasalahan kritikal dalam bidang hadith, khususnya isu perawi *muhmal* yang timbul akibat ketidakjelasan identiti perawi dalam sanad hadith. Pendekatan yang diperkenalkan oleh Hātim al-‘Awnī melalui konsep *qarā’in al-tarjīh* menawarkan solusi inovatif dan komprehensif untuk menangani masalah ini. Melalui karyanya, beliau menggariskan tiga bentuk utama qarā’in yang dapat digunakan iaitu: *ittiḥād al-bald* (kesamaan tempat), *al-mu‘āsharah* (kehidupan sezaman), dan kompilasi riwayat terbanyak daripada guru tertentu. Hasil kajian menunjukkan bahawa pendekatan ini bukan sahaja membantu ahli hadith dalam menentukan identiti perawi yang samar tetapi juga memastikan ketepatan dan integriti penilaian status hadith. Cadangan kajian lanjut untuk mengenal pasti metode *qarā’in al-tarjīh* yang digunakan oleh tokoh dari aliran lain serta kajian aplikasi konsep ini dalam kalangan ulama terdahulu, khususnya pengkritik hadith dari period mutaqaaddimīn, adalah langkah penting untuk memperkukuh pemahaman dan aplikasi metodologi ini.

Secara keseluruhannya, konsep *qarā’in al-tarjīh* oleh Hātim al-‘Awnī memberikan sumbangan yang signifikan dalam bidang hadith, memperkaya metodologi penilaian hadith dan menyediakan alat yang efektif bagi sarjana kontemporari dalam menilai keabsahan sesebuah hadith. Pendekatan ini menegaskan kepentingan pendekatan yang sistematik dan berasaskan bukti dalam memastikan kepercayaan terhadap penilaian hadith.

Rujukan

- Abd Aziz, D. P., & Travelancya, T. (2021). Tahammul wa al-Adā’ dalam periwayatan hadith. *BAHTSUNA: Jurnal Penelitian Pendidikan Islam*, 3(2), 185-199. <https://doi.org/10.55210/bahtsuna.v3i2.64>
- Abdullah, M. H. (2012). *Al-Qarāin wa Atharuhā fī ‘Ilmi al-Hadīth*. Kuwait: Wizārah al-Awqāf wa al-Syu‘ūn al-Islāmiyyah.
- Ādil al-Zuraqī. (2004). *Qawā'id al-‘Ilal wa Qarāin al-Tarjīh*. Riyadh: Dār al-Muhaddith li al-Nasyr wa al-Tawzī’.
- Aḥmad Mukhtār ‘Umar. (2008). *Mu'jam al-Lughah al-‘Arabiyyah al-Mu'āshirah*. Kaherah: ‘Ālam al-Kutub.
- Al-‘Irāqī. (2007). *Alfiah al-‘Irāqī al-Tabṣirah wa al-Tadhkirah fī ‘Ulūm al-Ḥadīth* (‘A. al-Khudayr, Ed.). Al-Riyād: Maktabah Dār al-Minhāj li al-Nashr wa al-Tawzī’.
- Al-Haitham, M. (2021). *Qarāin al-Tarjīh bayna aqwāl al-Jarh wa al-Ta’dīl al-Muta’aridah ‘inda Ibn Addī fi kitābihi al-Kāmil* (Disertasi Sarjana). Universiti Tayyibah.
- Al-Ḥakim al-Naysābūrī. (2003). *Ma‘rifah ‘Ulūm al-Ḥadīth*. Beirut: Dār Ibn Ḥazm.
- Al-Khaṭīb al-Baghādādī. (1979). *Al-Kifāyah fī ‘Ilm al-Riwāyah*. Madinah: Al-Maktabah al-‘Ilmiyyah.
- Al-Nawāwī. (1985). *Al-Taqrīb wa al-Taysīr* (‘U. al-Khasht, Ed.). Beirut: Dār al-Kitāb al-‘Arabī.
- Al-Qāḍī ‘Iyād. (1970). *Al-Ilmā’ ilā Ma‘rifah Uṣūl al-Riwāyah wa Taqyīd al-Samā’* (‘A. Ṣaqr, Ed.). Kaherah: Dār al-Turāth.
- Al-Qurtubī. (2006). *Al-Jāmi’ li Ahkām al-Qur’ān* (‘A. bin ‘A. Muhsin, Ed.). Beirut: Muassasah al-Risālah.
- Al-Sakhāwī. (2003). *Fath al-Mughīth bi Sharḥ Alfīyah al-Ḥadīth* (‘A. H. ‘Alī, Ed.). Mesir: Maktabah al-Sunnah.
- Al-Sīrah al-Dhātīyyah. (2023, November 26). *Mawqī’ al-Shaykh I. D. al-Sharīf Hātim bin ‘Arīf al-Awnī*. <https://www.dr-alawni.com/about.php?show=biography>
- Al-Suyūṭī. (2016). *Tadrīb al-Rāwī fī Sharḥ Taqrīb al-Nawāwī* (M. ‘Awwāmah, Ed.). Jeddah: Dār al-Minhāj.



- Asmā' Ba'd Man Ajāzanī min al-Shuyūkh Murattabīn 'Alā Hurūf al-Mu'jam. (2023, November 27). https://archive.org/details/amrabelaziz1184_gmail_201812/page/n7/mode/1up
- Ayyub al-Husainī. (2009). *Al-Kulliyāt Mu'jam fi al-Mustalahāt wa al-Furūq al-Lughawiyah* ('A. Darwisy, Ed.). Beirut: Muasasah al-Risālah.
- Didān, N. (2022). *Qarāin al-Tarjih allatī wāzana bihā al-Hāfidh al-Mizzzi 'inda al-Ikhtilāf bi ziyādah rāwi au isqātihi min al-Isnād min khilāli kitābihi Tahzīb al-Kamāl* (Tesis PhD). Universiti Qāsim.
- Dzul Dzulraidi. (2023). *Terjemahan Syarah Muqizah az-Zahabi*. Terengganu: Paddi Resources.
- Dzulraidi, D. H., Mohd Ithnin, N. K., Amat Famsir @ Amat Tamsir, M. T., & Ayub, D. H. (2024). Konsep qarā'in al-tarjih dalam pensabitan samā': Kajian terhadap Muqarrar al-Takhrīj karya Hātim al-'Awnī. *Journal of Ifta and Islamic Heritage*, 3(1), 169–196. <https://ejournal.muftiwp.gov.my/index.php/jiftah/article/view/67>
- Fārūq Ḥamadāh. (2007). *Tatawwur dirāsāt al-Sunnah al-Nabawiyah: Nahdatuhā al-Mu'āṣirah wa āfāquha madkhal li dirāsāt al-Sunnah al-Nabawiyah*. Damsyiq: Dār al-Qalam.
- Hanān Qamāri. (2016). *Ta'arud qarāin al-tarjih wa dawābit daḡ'ihā 'inda al-Imām Ibn Abi Hātim min khilāli kitābihi al-'Ilal* (Disertasi Sarjana). Echahid Hama Lakhdar University.
- Hātim al-Awnī. (2018). *Muqarrar al-Takhrīj wa Manhaj al-Ḥukm 'alā al-Ḥadīth*. Beirut: Markaz Namā' li al-Buḥūth wa al-Dirāsāt.
- Ibn al-Ṣalāh. (1986). *Muqaddimah Ibn al-Ṣalāh – Ma'rifah Anwā' 'Ulūm al-Ḥadīth* (N. 'Itr, Ed.). Damsyiq: Dār al-Fikr.
- Ibn Fāris. (1979). *Mu'jam Māqayis al-Lughah* ('A. Harun, Ed.). Kaherah: Dār al-Fikr.
- Ibrāhīm 'Abd Allāh al-Lāḥim. (2005). *Al-Ittiṣāl wa al-Inqitā'*. Al-Riyād: Maktabah al-Rushd.
- Khoirul Huda, M., & Fadil, M. R. (2023). Rasionalisasi kritik hadis klasik: Kontribusi Syarif Hātim al-'Aunī dalam kajian hadis kontemporer. *Al-Bukhari: Jurnal Ilmu Hadis*, 6(1), 119-144. <https://journal.iainlangsa.ac.id/index.php/bukhari/article/view/6175>
- Mohd Awang Idris, H., Muhamad, & Zirwatul Aida, R. I. (2018). *Metodologi Penyelidikan Sains Sosial*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Yusof, A. Z., & Muhammad Noor, U. (2020). Penerimaan hadis tafarrud menurut Aḥmad ibn Ḥanbal: The acceptance of tafarrud hadith according to Aḥmad ibn Ḥanbal. *HADIS*, 10(20), 573-584. <https://doi.org/10.53840/hadis.v10i20.102>.